



**TUANKU SULTANAH BAHYAH**

# **BUKU PANDUAN PENDAFTARAN**



**ISIKANDUNGAN**

A. MAKLUMAT AM  
B. PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BARU

**POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH  
KULIM HI-TECH PARK  
09000 KULIM  
KEDAH DARULAMAN**

**NO. TEL : 04-4033333  
NO. FAX : 04-4033033  
LAMAM WEB : [www.ptsb.edu.my](http://www.ptsb.edu.my)**

## ISI KANDUNGAN BUKU PANDUAN PENDAFTARAN

<b>BIL/ PERKARA</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>A.</b>	<b>MAKLUMAT AM</b>	1 / 8
	1. PANDUAN UNTUK KE PTSB	
	2. PERINGATAN SEBELUM PENDAFTARAN	
	3. BAYARAN YURAN	
<b>B.</b>	<b>PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU</b>	2 / 8
	1. HARI PENDAFTARAN	
	2. PERKARA-PERKARA YANG MESTI DIBAWA PADA HARI PENDAFTARAN.	
	3. PAKAIAN & RUPADIRI SEMASA PENDAFTARAN	3 / 8
	4. KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL / TAWARAN ASRAMA	
	5. BANTUAN KEWANGAN	
	6. PAKAIAN & RUPADIRI SEMASA HARI PERKULIAHAN DAN BERURUSAN DI PEJABAT	4 / 8
	a. Pakaian & Rupadiri Siswa	
	b. Pakaian & Rupadiri Siswi	
	7. HAL-HAL LAIN	6 / 8
	PELAN KE POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIIYAH, KEDAH.	7 / 8
	PELAN POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIIYAH, KEDAH.	8 / 8

## A. MAKLUMAT AM

**Baca maklumat am berikut dengan teliti dan sila ambil tindakan yang sewajarnya agar anda dapat mengikuti pengajian anda di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) dengan selesa.**

### 1. **PANDUAN UNTUK KE PTSB.**

Kampus Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah terletak di Taman Teknologi Tinggi Kulim (Kulim Hi-Tech Park). Sekiranya anda melalui Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), anda perlu menyusur keluar ke Lebuhraya Butterworth Kulim (BKE) melalui Pekan Kelang Lama dan boleh juga terus ke jalan utama Taman Teknologi Tinggi Kulim, anda akan nampak papan tanda Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah sebagai petunjuk.

Sila rujuk **pelan lokasi** Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah yang disertakan di bahagian belakang Buku Panduan ini.

### 2. **PERINGATAN SEBELUM PENDAFTARAN**

- a. Bawa semua **DOKUMEN ASAL** yang dikehendaki oleh PTSB pada hari pendaftaran. Pendaftaran anda akan **ditolak** sekiranya anda gagal menunjukkan dokumen-dokumen tersebut.

**Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia** juga berhak **menarik balik tawaran** belajar di PTSB sekiranya terdapat PERCANGGAHAN MAKLUMAT di antara dokumen asal dengan maklumat yang telah anda berikan ke **Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia** semasa memohon ke Politeknik.

- b. Lengkapkan semua borang yang disertakan sebelum diserahkan kepada PTSB dan ikut arahan di dalam Borang-borang Pendaftaran tersebut.

### 3. **BAYARAN YURAN**

Semua pelajar baharu perlu menjelaskan bayaran seperti berikut:-

- i. **Yuran Pengajian - RM 200.00**
- ii. **Yuran Asrama - RM 60.00** (*Jika menerima tawaran asrama sahaja*)
- iii. **Bayaran Pelbagai -** (*Sila rujuk jadual di bawah*)

<b>DIPLOMA LEPASAN SPM</b>	<b>DIPLOMA LULUSAN SIJIL</b>	<b>PRA-DIPLOMA SAINS</b>	<b>PRA-DIPLOMA PERDAGANGAN</b>
<b>600.00</b>	<b>600.00</b>	<b>200.00</b>	<b>200.00</b>

#### **Nota :**

1. Sila catatkan Nama, No. Kad Pengenalan dan Program anda di belakang setiap Slip Bank. **SEMUA PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda **berhenti** dari menjadi pelajar PTSB.
2. Pelajar yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta hendaklah membawa bersama **Surat Pengesahan Penajaan** (yang asal) semasa mendaftar. Mana-mana bayaran yang tidak ditanggung oleh penaja hendaklah dijelaskan oleh pelajar semasa pendaftaran. Satu salinan fotostat surat tersebut hendaklah diserahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk disimpan di dalam Fail Peribadi Pelajar.

## **B. PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU**

Anda dinasihatkan supaya membaca maklumat dan arahan di bawah dengan teliti supaya urusan pada HARI PENDAFTARAN berjalan dengan lancar. Anda tidak akan didaftarkan sekiranya mana-mana perkara yang disebutkan di bawah tidak dipenuhi.

### **1. HARI PENDAFTARAN**

Anda hendaklah hadir untuk melapor diri sebagai pelajar PTSB menurut maklumat berikut:

Tarikh : *Seperti dalam cetakan maklumat pendaftaran.*

Masa : *Seperti dalam cetakan maklumat pendaftaran.*

Tempat : *Seperti dalam cetakan maklumat pendaftaran.*

*Sila rujuk Pelan Kawasan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah di mukasurat 8.*

**JIKA ANDA TIDAK MENDAFTAR PADA TARIKH, MASA DAN TEMPAT YANG TELAH  
DITETAPKAN BERMAKNA ANDA MENOLAK TAWARAN INI**

### **2. PERKARA-PERKARA YANG MESTI DI BAWA PADA HARI PENDAFTARAN**

2.1 **Dokumen-dokumen ASAL** yang berikut :

- a. Kad Pengenalan Pelajar
- b. Surat Tawaran ke Politeknik
- c. **Slip BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD** bagi Bayaran Yuran Pengajian dan Yuran Asrama.
- d. **Slip BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD** untuk bayaran Bayaran Pelbagai.
- e. Keputusan SPM/SPM(V)
- f. Keputusan Peperiksaan bagi Semester 1 – 4 (*bagi Lulusan Sijil Politeknik*).
- g. Sijil Berhenti Sekolah.
- h. Dokumen / Sijil Ko-Kurikulum yang berkaitan (*terutamanya yang mewakili negara dan negeri*).
- i. Surat Akuan/Testimonial Sekolah (*jika berkaitan/ada*)

2.2 Borang-borang Pendaftaran dan dokumen yang telah lengkap diisi.

*Seperti dalam cetakan maklumat pendaftaran.*

**PEMERIKSAAN KESIHATAN & X-RAY** adalah **DIWAJIBKAN** bagi setiap pelajar baharu di setiap politeknik. Ianya boleh dibuat di Klinik atau Hospital **Kerajaan / Swasta**. Laporan X-ray (*Report X-ray*) hendaklah disertakan bersama Laporan Pemeriksaan Kesihatan (HEP 5) ini.

2.3 Empat (4) keping gambar warna yang terbaharu berukuran Kad Pengenalan. Sila catatkan nama dan Nombor Kad Pengenalan anda di belakang setiap keping gambar.

- a. Pelajar lelaki – berkemeja, bertali leher dan berambut pendek
- b. Pelajar perempuan (Islam) – bertudung
- c. Pelajar perempuan (Bukan Islam) - tidak mendedahkan bahagian bahu

### **3. PAKAIAN DAN RUPADIRI SEMASA PENDAFTARAN**

- 3.1 Pelajar-pelajar hendaklah berpakaian **kemas**, bersih dan menutup aurat (bagi pelajar Islam). Semua jenis pakaian hendaklah tidak menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, perut, bahu dan belakang.
- 3.2 Berkasut serta berstokin.
- 3.3 Rambut mestilah kemas dan pendek bagi pelajar lelaki. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju. Aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak melebihi aras dahi.
- 3.4 Topi, Baju-T tidak berkolar, seluar jeans, seluar pendek, seluar sukan dan selipar/sandal adalah **DILARANG**.

### **4. KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL/TAWARAN ASRAMA**

Pelajar PTSB yang ditawarkan asrama akan menginap di asrama selama **satu semester sahaja** (6 bulan). Selepas satu semester pelajar dikehendaki mencari tempat tinggal sendiri di luar kampus. Walau bagaimanapun tawaran penempatan asrama bergantung kepada **kekosongan** yang ada.

Pihak asrama tidak menyediakan keperluan seperti berikut iaitu bantal, sarung bantal dan cadar. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar yang ditawarkan asrama untuk menyediakan keperluan seperti di atas.

Sekiranya pengambilan Pelajar Baharu melebihi kapasiti asrama, pihak PTSB berhak untuk **tidak menawarkan asrama** terutamanya pelajar yang tinggal berdekatan dengan PTSB.

Pelajar yang **tidak ditawarkan asrama** dinasihatkan supaya mendapatkan tempat tinggal sebelum mendaftar diri di PTSB. Sediakan wang yang secukupnya untuk tujuan bayaran deposit, sewa, membeli kelengkapan seperti cadar, sarung bantal, tilam (jika perlu) dan sebagainya. Urusan penyewaan adalah tanggungjawab pelajar sendiri.

Asrama PTSB menjalankan perkhidmatan kantin secara kafeteria (bayar tunai).

### **5. BANTUAN KEWANGAN**

Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alatan pelajaran, buku dan lain-lain.

- a. **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)** hanya akan meluluskan permohonan pinjaman yang lengkap sahaja kepada semua pelajar **Program Diploma** di politeknik.

**Permohonan Pinjaman Pendidikan PTPTN adalah secara ONLINE. Sila layari laman web :**

**[www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)**

**Sila baca dan fahami arahan di halaman tersebut untuk memudahkan urusan permohonan.**

**Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi PTPTN HOTLINE di talian 03-20804455 atau emel kepada [webmaster@ptptn.gov.my](mailto:webmaster@ptptn.gov.my).**

## 6. RUPADIRI – SEMASA KULIAH/BENGGEL & BERURUSAN DI PEJABAT

Semua pelajar adalah tertakluk kepada semua peraturan bertulis di politeknik.

Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar Islam) dan sopan. Semua jenis pakaian yang menjolok mata adalah dilarang.

### A. PAKAIAN DAN RUPADIRI SISWA



#### Baju

- i. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
- ii. Baju-T jenis berkolar yang dibenarkan, tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar atau negatif.
- iii. Sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
- iv. Mestilah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.

#### Seluar

- i. Seluar 'slack' panjang.
- ii. Seluar 'jeans' adalah **dilarang**.

#### Kasut

- i. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan sempurna berstokin. Kasut sukan dibenarkan.
- ii. Selipar, terompah, capal dan seumpamanya adalah dilarang.
- iii. Kasut yang berladam logam yang berbunyi bising adalah dilarang.

#### Rambut

- i. Rambut sentiasa pendek dan kemas. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak melebihi paras telinga dan aras depan tidak melebihi aras dahi (lihat gambar contoh di atas)
- ii. Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', berekor dan diwarnakan adalah dilarang.
- iii. Tidak botak kecuali yang disyariatkan oleh agama.

#### Perhiasan

Sebarang bentuk perhiasan dilarang melainkan cincin. Cincin emas adalah dilarang.

#### Kad Pelajar

Kad Pelajar hendaklah sentiasa disematkan/dipakai di baju semasa berada di dalam kawasan PTSB (terutamanya di dalam bilik kuliah/bengkel dan waktu berurusan di pejabat).

## B. PAKAIAN DAN RUPADIRI SISWI



**RUPADIRI  
SISWI  
- ISLAM -**



**RUPADIRI SISWI  
- NON-MUSLIM -**

### **Baju**

- i. Pakaian yang menutup aurat, bersih, kemas dan sopan bagi semua pelajar Islam.
- ii. Pakaian yang menjolok mata **dilarang** (contoh pakaian yang menjolok mata ialah pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, perut, bahu dan belakang).
- iii. Pakaian hendaklah berlejang panjang sampai ke pergelangan tangan.
- iv. Labuh baju sekurang-kurangnya menutupi paras punggung.
- v. Pelajar bukan Islam dilarang memakai 'skirt' yang lebih pendek dari paras lutut.
- vi. Baju – T adalah dilarang.

### **Sarung/Maxi**

- i. Labuh.
- ii. Longgar.
- iii. Tidak jarang.

### **Seluar**

- i. Seluar 'slack' panjang.
- ii. Seluar 'jeans' adalah **dilarang**.
- iii. Tidak ketat.

### **Kasut**

- i. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan sempurna berstokin. Kasut sukan dibenarkan.
- ii. Selipar, terompah, capal dan seumpamanya tidak dibenarkan.
- iii. Kasut yang berladam logam yang berbunyi bising dilarang.

### **Rambut**

- i. Pelajar Islam wajib memakai tudung seperti yang disyariatkan oleh Islam.
- ii. Hendaklah kemas dan beridentitikan seorang pelajar perempuan.
- iii. Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', berekor dan diwarnakan adalah dilarang.

### **Perhiasan**

- i. Tidak digalakkan memakai barang kemas.
- ii. Mencukur bulu kening dan solekan yang berlebihan adalah dilarang.

### **Kad Pelajar**

Kad Pelajar hendaklah sentiasa disematkan/dipakai di baju/tudung semasa berada di dalam kawasan PTSB (terutamanya di dalam bilik kuliah/bengkel dan waktu berurusan di pejabat).

## 7. HAL-HAL LAIN

- a. Semua pelajar dinasihatkan membawa pakaian sukan yang sesuai dan memenuhi syarat-syarat pakaian seperti yang dijelaskan dalam **Buku Panduan Pelajar**.
- b. Pelajar digalakkan membawa **3 salinan fotostat** dokumen-dokumen peribadi yang telah disahkan untuk urusan permohonan biasiswa/pinjaman pelajaran, termasuklah salinan fotostat kad pengenalan ibu / bapa / penjaga (di atas kertas saiz A4).
- c. BORANG PENDAFTARAN KENDERAAN *bagi pelajar yang ingin membawa kenderaan ke PTSB selepas Hari Pendaftaran.*

*Pendaftaran kenderaan dalam talian(online) akan dibuka 7 hari selepas hari pendaftaran melalui **Portal Pelajar**. Sila hantar borang yang telah lengkap ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PTSB untuk mendapatkan STIKER KENDERAAN PELAJAR).*

***Tindakan Disiplin akan dikenakan kepada pelajar yang tidak mempunyai Stiker Kenderaan Pelajar pada kenderaan pelajar tersebut.***

Stiker hendaklah dipamerkan/dilekatkan di bahagian hadapan dan mudah dilihat oleh pihak berkuasa PTSB.


- d. PEGAWAI YANG LAYAK UNTUK MENGESAHKAN SIJIL DAN DOKUMEN atau sebagai **SAKSI**.

**SAKSI** mestilah terdiri daripada **PEGAWAI KERAJAAN KUMPULAN A** (*yang memiliki Ijazah*) atau **PENGETUA SEKOLAH KERAJAAN** sahaja.


### PERINGATAN :

**PIHAK JKKK & PEGAWAI SEKTOR SWASTA adalah TIDAK MENGIKUT SYARAT** yang ditetapkan oleh Politeknik untuk menjadi saksi dan mengesahkan salinan dokumen pelajar.

# PELAN KE POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH, KEDAH



# PELAN POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYIAH, KEDAH



## PETUNJUK :

<b>A</b>	<b>Pentadbiran, Unit Latihan Industri &amp; Unit Peperiksaan</b>
<b>B</b>	<b>Perpustakaan &amp; Unit Multimedia</b>
<b>C</b>	<b>Dewan Kuliah Utama</b>
<b>F</b>	<b>Jabatan Matematik, Sains &amp; Komputer</b>
<b>H</b>	<b>Dewan Muadzam Shah (Dewan Besar)</b>
<b>N</b>	<b>HAL EHWAL PELAJAR &amp; Kedai Koperasi</b>
<b>T1</b>	<b>Kafetaria</b>
<b>T2</b>	<b>Pejabat Asrama (<i>Pengurusan Asrama</i>)</b>
<b>V1, V2 &amp; V3</b>	<b>Asrama Siswi</b>
<b>V4, V5 &amp; V6</b>	<b>Asrama Siswa</b>
<b>U</b>	<b>Pusat Islam</b>
	<b>- Pendaftaran / Semakan Penginapan Asrama</b>

**Q1, Q2, Q3, S1, S2 & R      Kuarters kakitangan PTSB**